

## Pesawah ada harapan tuai padi hujung Mei

Masih ada harapan untuk pesawah di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal, dekat sini, untuk menuai hasil padi menjelang hujung Mei depan berikutan ihsan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melepaskan air ke sawah.

Jika pada awal bulan ini, pesawah terbahit dilaporkan bimbang sawah mereka tidak mampu memberikan hasil memuaskan akibat kemarau, kini mereka sudah boleh tersenyum dengan langkah JPS itu.

Tinjauan Harian Metro di sawah itu, semalam mendapati kebanyakan pesawah gembira berikutan langkah jabatan itu melepaskan air dari rumah pam ke empangan kecil dalam parit yang memasuki ke sawah mereka berbanding keadaan sebelum ini yang menyaksikan ada sesetengah sawah tidak mendapat air.

Ketua Kelompok Pesawah Kampung Belimbing Dalam, Zainuddin Mohamad, 70, berkata kebanyakan petak sawah petani di kawasan itu sudah mendapat air yang disalurkan melalui parit berkenaan.

"Kami bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada JPS kerana prihatin terhadap nasib kami.

"Alhamdulillah, air yang dilepaskan sudah masuk ke dalam petak demi petak sawah secara perlahan-lahan dan membolehkan anak padi



**PESAWAH** menunjukkan tanah kering risau tanaman tidak mendatangkan hasil.

membesar dengan baik kerana sudah ada air," katanya kepada Harian Metro.

Dia berkata, langkah JPS itu amat penting untuk membantu memastikan anak benih padi yang sudah ditabur pada pertengahan Februari lalu mendapat air yang mencukupi bagi membolehkannya membesar.

Bagaimanapun, pesawah tetap berharap agar ada hujan dalam tempoh terdekat untuk memastikan semua petak sawah mendapat air, sekali gus membolehkan padi tumbuh dengan subur.

Sementara itu, Timbalan Pengarah JPS Melaka, Mohd Kamal Mustafa ketika dihubungi, berkata JPS prihatin terhadap nasib pesawah dan bersedia membantu mengairi sawah mereka, terutama pada musim kemarau sekarang.

Awal bulan ini, akhbar ini melaporkan pesawah terbahit khuatir kemarau menyebabkan mereka tidak mampu menuai hasil menjelang hujung Mei depan dan ia ditambah dengan tindakan JPS yang didakwa oleh mereka, menghadkan air yang disalurkan ke sawah.